

SUKSIS anjur Ekspedisi Berakit Sungai Pahang



Pada 20 – 22 Mac 2009 yang lalu, Pejabat Kor SUKSIS UMP dengan kerjasama JHEPA telah menganjurkan Ekspedisi Berakit Sungai Pahang yang bermula dari Kg. Belimbing dan berakhir di Paloh Hinai.

Ekspedisi ini telah bermula pada 15 Mac dengan aktiviti water confident dan disusuli dengan program bersama masyarakat pada 20 Mac 2009 iaitu pertandingan bola sepak beragam dan gotong royong memasak bersama orang kampung.

Manakala pada sebelah malamnya pula majlis tahlil diadakan di Masjid Kg. Belimbing. Ekspedisi Berakit ini telah dirasmikan oleh Supt/KS Tn Hj Mustafa bin Ibrahim yang disertai oleh 8 kumpulan rakit dan 16 kumpulan kayak. Majlis penutup telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Polis Pahang pada 22 Mac 2009 yang turut merasmikan acara pecut rakit.

SIFE UMP Team Training

Pada 26 Mac 2009, telah diadakan satu sesi taklimat berkenaan Student In Free Enterprise (SIFE) oleh SIFE Malaysia.

Para pelajar dari Kelab SIFE UMP dan Kelab Keusahawanan UMP menjadi peserta bagi sesi ini. Program kelolaan Unit Keusahawanan dan Inovasi ini bertujuan untuk mendekatkan lagi para pelajar dengan SIFE Malaysia dan memahami konsep dan tujuan program SIFE di setiap IPT. Penceramah jemputan ialah En. Zul Saadon, laitu Ketua Koordinator SIFE Malaysia.

